

28 APR 1999

MIC-Internet

MIC MAHU PENYEBAR BERITA PALSU DIKENAKAN TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- MIC hari ini meminta polis mengambil tindakan segera terhadap pihak yang menyebarkan berita palsu dalam Internet dan media lain.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat jawatankuasa kerja pusat (CWC) parti itu selama tiga jam di ibu pejabatnya di sini.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu memberitahu pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu, bahawa CWC memandang serius kegiatan penyebaran berita palsu dan karut mengenai pemimpin-pemimpin negara.

Beliau berkata MIC juga memandang berat campur tangan beberapa negara asing dalam urusan Malaysia.

"Mesej kita kepada mereka ialah supaya menumpukan perhatian kepada masalah dalaman negara mereka sendiri dan jangan sekali-kali cuba mencampuri urusan kita," kata beliau.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas segelintir rakyat negara ini yang terus menyalahgunakan Internet bagi menyebarkan berita tidak berasas serta fitnah, walaupun kerajaan berusaha untuk melahirkan satu masyarakat berteknologi maklumat.

Mengenai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang, Samy Vellu berkata MIC sudah bersedia tetapi tumpuan parti itu sekarang ialah untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Ketika ditanya mengenai persetujuan pemimpin tertinggi empat parti pembangkang -- Parti Keadilan Nasional (Keadilan), PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) -- untuk memberi keutamaan kepada prinsip kerjasama, Samy Vellu berkata: "Seperti biasalah, mereka akan bersatu tenaga dan akan berpisah selepas pilihan raya."

Katanya pembangkang tidak mempunyai sebarang dasar kukuh bagi menjamin taraf hidup lebih baik untuk rakyat.

Beliau juga berkata PAS tidak mampu memimpin sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia kerana pemimpinnya berfikiran sempit.

Samy Vellu menyebut satu contoh ketika bersalaman dengan seorang pemimpin PAS sambil bertanya "Apa khabar?"

"Jawapannya ialah baik khabar dan bukannya khabar baik. Jawapan apakah ini?"

"Inilah contoh pemimpin yang PAS ada. Saya tidak tahu bagaimana mereka boleh mentadbir negara ini yang mempunyai pelbagai bangsa," katanya.

--BERNAMA

ES MAI